



PRASARANA TUNTUT GANTI RUGI RM38 JUTA

Tanggung kos laluan ditutup lebih setahun, menyusahkan pengguna

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

KUALA LUMPUR – Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) akan mengambil tindakan undang-undang dengan

membuat tuntutan ganti rugi ke atas pemaju dan pemilik sebuah hotel berdekatan Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Bandaraya di sini.

Tindakan itu dibuat ekoran syarikat

milik kerajaan itu menanggung kerugian sebanyak RM38 juta disebabkan penutupan laluan LRT Stesen Bandaraya dan Masjid Jamek selama lebih setahun.

Langkah penutupan itu dibuat ekoran

terdapat kerosakan pada struktur jejambat dan landasan berhampiran stesen Bandaraya bagi laluan Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Ampang/Sri Petaling. **» BERSAMBUNG DI MUKA 2**

Prasarana tuntutan ganti rugi RM38 juta

DARI MUKA 1

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, tindakan tidak bertanggungjawab itu bukan sahaja menyebabkan operasi tren terjejas, tetapi turut memberikan kesukaran kepada penumpang perkhidmatan awam.

Menurut beliau, tuntutan sebanyak RM38 juta itu melibatkan kos pembaikan struktur yang rosak dan lain-lain kerugian yang ditanggung syarikat sepanjang penutupan laluan berkenaan.

"Arahan daripada pihak Kementerian adalah kita melaksanakan dahulu (proses pembaikan laluan), selepas itu baru kita bawa tuntutan pampasan.

"Jika kita ambil tindakan lain seperti menuntut pampasan terlebih dahulu baru fikir hendak baiki, gangguan akan berlanjutan lebih lama dan ini akan lebih menyusahkan pengguna yang menggunakan perkhidmatan awam ini," katanya pada sidang akhbar selepas melakukan tinjauan di Stesen Bandaraya semalam.

Jelas Anthony, secara keseluruhannya, kerja-kerja pembaikan yang bermula sejak Mac 2023 berjaya disiapkan pada Disember lalu sebelum melalui beberapa siri ujian bagi tujuan keselamatan rel dan pematuhan



ANTHONY (kiri) ketika meninjau suasana di dalam tren antara Stesen Bandaraya dan Masjid Jamek, Kuala Lumpur yang mula dibuka kepada orang ramai semalam. – SADDAM YUSOFF

piawaian sebelum dibuka sepenuhnya semalam.

Kerja membaiki pulih struktur jejambat dan landasan yang rosak itu membabitkan kos sebanyak RM30 juta.

Beliau memberitahu, pihaknya dimaklumkan pembinaan hotel berdekatan Stesen Bandaraya dibuat tanpa kebenaran dan persetujuan Prasarana.

Ditanya sama ada projek pembinaan premis tersebut akan diteruskan, Anthony berkata, perkara itu berada di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Walaupun bagaimanapun kita mengambil pengajaran daripada kes ini kerana ia memberi kesan yang besar kepada keselesaan pengguna.

"Sekiranya diteruskan, kita harap (pemaju) dikenakan syarat yang lebih ketat bagi mengelakkan kejadian yang sama tidak berulang lagi pada masa akan datang.

"Selain itu, mana-mana pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu melibatkan Prasarana dan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dalam membuat seba-



KERATAN Kosmo! 29 Januari 2023.

rang kelulusan projek dan pembinaan terutama dalam radius 250 meter dari mana-mana stesen pengangkutan awam," katanya.

Pada 27 Januari 2023, akhbar melaporkan perkhidmatan LRT laluan Ampang mengalami kelewatan atas faktor keselamatan akibat penjarangan landasan yang bengkok berhampiran Stesen Bandaraya.

Selain itu, terdapat juga kerosakan dikesan pada struktur jejambat di kawasan tersebut dipercayai disebabkan kerja-kerja pembinaan di kawasan bersebelahan stesen.

Ekoran itu, Rapid Rail terpaksa mengambil keputusan menutup laluan antara Stesen Masjid Jamek dan Bandaraya.

Disebabkan penutupan laluan tersebut, penumpang perkhidmatan awam itu terpaksa menggunakan laluan alternatif termasuk bas perantara bagi meneruskan perjalanan ke destinasi masing-masing.